

17 JUN 1999

AS-MALAYSIA

IKATAN AS-MALAYSIA MASIH BAIK MESKIPUN RETORIK

Oleh: Salmi Hashim

WASHINGTON, 17 Jun (Bernama) -- Seorang pegawai pentadbiran kanan Clinton menyifatkan hubungan dua hala Amerika Syarikat-Malaysia sebagai "cemerlang" meskipun tindakan saling berbalas kata-kata retorik tajam oleh pemimpin-pemimpin kedua-dua negara.

Timbalan Penolong Setiausaha Negara bagi Hal Ehwal Asia Timur dan Pasifik Ralph Boyce, berkata di persidangan Sub-Jawatankuasa Kongres mengenai "Malaysia: Menilai Agenda Mahathir," berkata terdapat hanya beberapa perubahan kecil dalam kerjasama AS-Malaysia dalam hal ehwal perdagangan, diplomatik dan keselamatan kerana Malaysia masih ingin meneruskan hubungan baik dengan AS.

"Bagaimanapun, retorik berlebihan yang tidak menggambarkan hasrat sebenar AS boleh menjejaskan kepentingan kedua-dua pihak," katanya kepada anggota Dewan Sub-Jawatankuasa US mengenai Asia dan Pasifik.

Boyce, yang berada di Kuala Lumpur kira-kira dua minggu lalu berkata kebanyakan pemerhati percaya Parti Barisan Nasional yang diketuai oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka memperolehi majoriti dalam pilihan raya yang akan datang yang mesti diadakan sebelum April tahun depan.

-- BERNAMA

SH ZK